

**SOALAN NO: 441**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA: Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD**

**SOALAN:**

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan dasar Kerajaan dalam isu pengambilan pembantu rumah dari luar negara terutamanya Indonesia. Apakah Kementerian boleh memudahkan urusan pengambilan pembantu rumah wanita daripada kalangan mereka yang memasuki negara ini menggunakan visa lawatan dan kemudian tidak meninggalkan negara ini dan bekerja sebagai pembantu rumah dengan orang tempatan.**

**PR-1323-T65247**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia,dalam isu penggajian pembantu rumah dari luar negara terutamanya Indonesia, dasar Kerajaan membenarkan pengambilan pembantu rumah asing daripada 9 buah negara sumber yang terdiri daripada Indonesia, Thailand, Laos, Vietnam, Filipina, India, Sri Lanka, Nepal dan India.

2. Pada masa ini, Kerajaan hanya mempunyai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kerajaan Indonesia iaitu Protokol MoU 2011 yang menetapkan sebarang penggajian dan penempatan pembantu rumah Indonesia mestilah berlandaskan saluran yang ditetapkan di bawah Protokol ini, pengambilan melalui Agensi Pekerjaan Swasta yang berdaftar di antara kedua-dua negara serta mematuhi kos struktur yang ditetapkan iaitu RM7,800 (RM6,000 ditanggung oleh majikan dan RM1,800 ditanggung oleh pembantu rumah Indonesia).
  
3. Bagi isu pengambilan pembantu rumah menggunakan visa lawatan atau Journey Performed Visa (JP Visa), prosedur ini adalah di bawah kawalan Jabatan Imigresen Malaysia dan pada masa sekarang terpakai kepada semua pembantu rumah negara-negara sumber yang berkaitan melainkan Indonesia. Ini selaras dengan keputusan Kerajaan pada 1 Julai 2013 untuk memansuhkan pengeluaran JP Visa kepada pembantu rumah Indonesia berkuatkuasa 1 Oktober 2013.